

BAB 7

KESIMPULAN

Pembentukan sesebuah bangunan tradisional Melayu dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti agama, iklim, topografi, ekonomi, latar belakang sejarah, cara hidup dan kepercayaan. Faktor-faktor ini telah memberikan ciri-ciri dan sifat-sifat bangunan tradisional Melayu. Kedatangan Islam telah mengubah orientasi bangunan tradisional. Dalam konteks Negeri Terengganu sebelum adanya sistem jalanraya bangunan-bangunan yang didirikan mestilah menghadap kiblat. Selain itu, ruang-ruang khusus telah diwujudkan yang memisahkan kaum lelaki dan perempuan.

Iklim turut mempengaruhi pembentukan sesebuah bangunan tradisional. Memandangkan kedudukan negeri ini berada di kawasan iklim khatulistiwa yang mengalami panas dan hujan sepanjang tahun, sudah tentulah memerlukan suatu bentuk senibina yang dapat didiami oleh penghuninya. Oleh itu, bentuk bangunan mestilah berbentuk bumbung tinggi dan curam yang dikenali sebagai bumbung "V" terbalik. Bumbung tinggi dan curam dapat mempercepatkan larian air hujan yang turun dengan lebat di samping dapat melindungi pancaran cahaya matahari.

Orientasi arah timur barat juga dapat mengurangkan sinaran matahari ke dalam rumah, terutama ruang serambi. Oleh sebab itu, ruang ini sesuai digunakan sebagai tempat berehat pada waktu petang. Untuk mengurangkan kepanasan dalam bangunan, lantai bangunan dipasang jarang dan ada pembukaan dibahagian tebar layar di bumbung, pintu, tingkap dan ukiran di bahagian dinding yang membolehkan udara keluar masuk ke dalam rumah.

Bangunan tradisional Melayu juga dibina secara bertiang, di mana lantai lebih tinggi daripada tanah. Kebanyakan kawasan penempatan adalah di sepanjang pantai, sungai dan tanah rendah. Bangunan yang bertiang dapat mengelakkan dari ditenggelami air sewaktu musim banjir. Selain itu, rumah bertiang juga boleh mengelakkan kelembapan di mana udara dapat bergerak naik daripada bawah bangunan melalui celah-celah lantai dan keluar melalui bumbung. Bangunan bertiang juga dapat menyelamatkan penghuni daripada binatang buas dan berbisa.

Memandangkan kehidupan masyarakat Melayu Terengganu bekerja sebagai nelayan dan petani, maka rumah-rumah bertiang memberi ruang tambahan kepada mereka, di mana ruang bawah rumah dijadikan sebagai tempat menyimpan peralatan menangkap ikan dan pertanian.

Kedapatan juga pada sesetengah bangunan, ruang bawah digunakan sebagai tempat menenun, bertukang, menuang tembaga dan sebagainya.

Bangunan yang bertiang juga dapat mengelakkan orang lalu lalang melihat orang di dalam bangunan, sebaliknya orang dalam bangunan dapat mengintai orang yang lalu lalang. Keistimewaan bangunan bertiang ialah dapat menstabilkan sesebuah bangunan walaupun dibina di kawasan tanah yang tidak rata.

Pembentukan bangunan tradisional ada kaitannya dengan sistem nilai dan kehendak-kehendak sosial terutama rumah kediaman. Pembahagian ruang-ruang dalam bangunan tradisional, menggambarkan kaitannya dengan keperluan sosial. Ada ruang-ruang yang dikhaskan untuk kaum lelaki dan kaum perempuan, dan ada ruang untuk tetamu dan ruang untuk keluarga. Selain daripada itu, ruang dalam bangunan bersifat terbuka, di mana ruang ini boleh digunakan bagi mengadakan berbagai upacara yang melibatkan ramai orang.

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi rupa bentuk bangunan tradisional ialah alam sekitar. Dalam kehidupan seharian, anggota-anggota masyarakat sentiasa berhubung rapat dengan alam persekitaran yang terdapat di sekeliling mereka.

Mereka menggunakan bahan-bahan seperti kayu, buluh, pinang, nibung dan daun seperti cucuh, nipah, sagu dan bertam yang diperolehi di sekitar mereka untuk membina bangunan. Bagi menguatkan struktur bangunan, mereka menggunakan akar-akar kayu, rotan untuk mengikat, pasak, puting dan baji untuk mengetat dan mengemasakan sambungan.

Didapati berbagai bentuk bangunan tradisional telah wujud di Terengganu. Kepelbagaiannya bentuk ini dipengaruhi oleh tradisi yang dibawa oleh pemiliknya. Antara pelbagai jenis itu, kelainan yang ketara adalah pada bentuk bumbung. Ini dapat dilihat dengan adanya bumbung panjang, bumbung limas dan bumbung limas Belanda.

Ciri-ciri tradisional yang lain ialah bangunan itu boleh dibuka, dipindah dan ditambah pada segenap bahagian tanpa merosakkan struktur bangunan tersebut. Bangunan tradisional menggunakan sistem penyambungan tanggam.

Setiap bangunan yang dibangunkan mempunyai fungsinya tertentu sama ada sebagai tempat tinggal, tempat ibadat, atau tempat berteduh sementara. Rumah kalau dipandang sepintas lalu, merupakan sebagai tempat berlindung.

Kalau diperinci, ia mencerminkan corak organisasi sosial, perkembangan dan kepentingan kelompok atau individu. Fungsi rumah boleh dilihat dari beberapa sudut seperti fizikal dan sosial.

Dari segi fizikal, rumah adalah tempat perlindungan daripada cuaca dan binatang di samping sebagai tempat manusia menjalani proses biologi dan sosial yang diperlukan dalam kehidupan. Dari sudut sosial pula, rumah menggambarkan bentuk, gaya hidup, pandangan hidup dan status penghuninya.

Masjid pada dasarnya berfungsi sebagai tempat memperingati Allah S.W.T. sebagai tempat mengerjakan ibadat kepada Allah. Fungsi masjid sebenarnya adalah luas iaitu sebagai pusat kegiatan agama, pengembangan tarbiah dan pembangunan ummah.

Wakaf pula berfungsi sebagai tempat berteduh sementara, bermalam dan menunaikan sembahyang kepada musafir atau pengembara. Wakaf ini disedekahkan oleh seseorang bagi melaksanakan amal jariah. Bagi penduduk kampung, wakaf digunakan sebagai tempat berehat pada waktu petang.

Terdapat beberapa ciri persamaan dan perbezaan di antara ketiga jenis bangunan tradisional Melayu di Terengganu. Persamaan yang paling ketara ialah bentuk bumbung ketiga-tiga bangunan ini adalah sama iaitu berbentuk V terbalik. Ketiga-tiga jenis bangunan ini didirikan secara bertiang. Ketiga-tiga bangunan ini kadangkala mempunyai fungsi yang sama iaitu boleh digunakan untuk tidur dan mengerjakan sembahyang (bagi wakaf lantai bertingkat). Persamaan lain ialah ketiga-tiga bangunan ini dibina daripada bahan yang terdapat di sekeliling mereka. Dari segi struktur, didapati rumah, masjid dan wakaf banyak persamaan, sebagai contoh, rumah dan masjid mempunyai dinding sedangkan wakaf tidak mempunyai dinding. Rumah dan surau mempunyai tangga tetapi wakaf tidak bertangga. Ruang-ruang tambahan pada rumah dan masjid hampir sama di mana terdapat ruang serambi pada rumah dan surau. Ketiga-tiga bangunan ini mempunyai lantai berbentuk empat persegi kecuali wakaf, terdapat lantai berbentuk L, U dan E.

Terdapat banyak perbezaan di antara ketiga-tiga bangunan ini. Pertamanya dari segi fungsi utama, rumah sebagai tempat tinggal, masjid dan surau sebagai tempat melaksanakan ibadat sembahyang dan wakaf sebagai tempat berteduh bagi pengembawa.

Kedua, ketinggian lantai dari tanah, rumah dan masjid hampir sama tetapi bagi wakaf adalah setinggi lutut orang dewasa dan setinggi pinggang bagi lantai bertingkat.

Dari segi ruang, rumah mempunyai tiga ruang iaitu ruang lelaki, ruang keluarga dan ruang perempuan. Ruang pada surau juga terbahagi kepada tiga iaitu ruang untuk imam, ruang jemaah lelaki dan ruang jemaah perempuan sedangkan ruang wakaf hanya satu sahaja. Fungsi ruang rumah ada tiga iaitu ruang tetamu, ruang keluarga dan ruang memasak. Ruang masjid dan surau pula terdiri daripada ruang sembahyang dan ruang mengambil air sembahyang sedangkan wakaf mempunyai ruang berehat dan bagi wakaf lantai bertingkat, terdapat ruang untuk sembahyang.

Kalau dilihat dari sistem penyambungan, pembinaan rumah dan masjid lebih 'komplikated' sedangkan pembinaan wakaf lebih ringkas. Ketiga jenis bangunan ini mempunyai ukuran yang berbeza-beza, di mana masjid mempunyai ukuran yang paling besar, rumah sederhana dan wakaf paling kecil. Dari segi bentuk, terdapat rumah dan wakaf yang berkembar (berganda) tetapi tidak terdapat pada masjid dan surau. Pada masjid dan surau terdapat kolah tempat membasuh kaki, manakala pada rumah terdapat tempayan tetapi peralatan ini tidak terdapat pada wakaf.

Walaupun ketiga jenis bangunan ini mempunyai bentuk yang hampir sama, terdapat satu bentuk rumah yang berlainan daripada masjid dan wakaf. Bentuk itu dikenali sebagai bentuk gajah menyusu.

Proses pembinaan sesebuah bangunan tradisional terutamanya rumah, dipengaruhi oleh beberapa faktor, seperti tradisi dan sistem kepercayaan. Tradisi kepercayaan telah mempengaruhi mereka memilih tapak rumah, pemilihan kayu, proses mendirikan rumah dan pembentukan ruang rumah tradisional. Agama dan kepercayaan pula bertujuan menjaga keselamatan dan kesejahteraan sesuatu kelompok.

Pada peringkat awal, manusia menggunakan gua-gua batu sebagai tempat berlindung. Perubahan pemikiran, manusia telah mendirikan tempat-tempat berlindung daripada bahan-bahan binaan yang ringkas dan berbentuk sementara yang dikenali sebagai dangau yang mempunyai bumbung berbentuk pisang sesikat. Struktur utama daripada kayu bulat dan pengemasan dengan cara ikat. Apabila zaman berubah dan kemasukan teknologi, kehidupan manusia terus berubah. Manusia juga telah mula berpegang kepada agama. Selain daripada tempat tinggal, wujud satu lagi bangunan iaitu tempat ibadat. Akhirnya wujud sebuah lagi bangunan bagi masyarakat Terengganu iaitu wakaf yang dikhaskan untuk pengembawa berehat.

Pada peringkat awalnya, bentuk dan gaya bangunan adalah '*simple*'. Struktur dan komponen diperbuat daripada batang kayu bulat dan diikat dengan akar dan rotan manakala atap dari daun.

Bentuk bangunan ini dikenali sebagai dangau dan berbentuk pisang sesikat. Pada zaman sejarah, selepas kemasukan agama, pembentukan bangunan berubah, struktur bangunan mula menggunakan kayu empat persegi, bentuk bumbung "V" terbalik dan mempunyai dinding. Bentuk bangunan pada peringkat awal adalah berbentuk bumbung panjang, sama ada jenis tiang 6, 12 dan 16. Kemasukan pengaruh asing, satu bentuk bangunan diperkenalkan iaitu perabung limas dan limas belanda. Dari segi rupa bentuk ketiga-tiga jenis bangunan tradisional hampir sama. Perbezaan yang ketara hanyalah bentuk bumbung di mana bangunan bentuk perabung limas mempunyai lima batang perabung iaitu satu perabung panjang dan empat perabung pendek di penjuru. Bangunan bumbung panjang mempunyai satu perabung panjang dan dua keping pemeleh di setiap hujung. Bangunan limas belanda pula hampir sama dengan bangunan perabung panjang tetapi terdapat buah guntung di kedua hujung perabungnya.

Kekuatan dan ketahanan sesebuah bangunan ada hubungkait dengan teknologi, struktur dan bahan. Dalam masyarakat Melayu, mereka yang memainkan peranan yang penting dalam pembinaan sesebuah bangunan ialah tukang. Tukang merupakan arkitek dan juga jurutera. Peralatan yang digunakan dibuat sendiri daripada bahan-bahan yang diperolehi sekitar mereka.

Terdapat tiga struktur utama pada bangunan tradisional kecuali wakaf. Struktur-struktur itu adalah tiang, dinding dan bumbung. Setiap struktur ini mempunyai fungsinya tersendiri dan mempunyai hubungkait dengan komponen-komponen lain bagi menyempurnakan sesebuah bangunan.

Kekuatan struktur dan komponen tersebut bergantung kepada sistem penyambungan dan kemasan yang digunakan. Pada peringkat awal, penyambungan dibuat secara regas atau tarahan dan dikemaskan dengan ikatan akar kayu dan rotan. Sistem ini telah berubah dengan penggunaan sistem tanggam dan diperketatkan dengan puting dan bajji. Sistem penyambungan yang digunakan boleh dirombak dan dibangunkan semula tanpa mengalami kerosakan.

Bahan-bahan yang digunakan untuk membina bangunan tradisional diperolehi di sekitar mereka yang terdiri daripada kayu, buluh, pinang, nibung, nipah, cucuh, sagu dan bertam. Satu keunikan bangunan tradisional Melayu ialah setiap penjuru bangunan boleh ditambah ruang tanpa mengubah bentuk bangunan asal.

Pembentukan ruang pada sesebuah bangunan adalah bagi memenuhi fungsi gunanya. Setiap ruang yang terdapat pada bangunan ada kaitan dengan nilai-nilai sosial masyarakat berkenaan. Bagi rumah, terdapat tiga ruang utama iaitu ruang untuk memasak, ruang untuk keluarga dan ruang untuk tetamu. Kadangkala ruang ini dibahagikan mengikut jantina, ruang belakang untuk kaum perempuan, ruang tengah untuk keluarga dan ruang hadapan untuk kaum lelaki. Setiap ruang mempunyai fungsi dan penghuninya pada masa-masa tertentu dan susunannya pula menggambarkan pelbagai nilai dan keperluan manusia untuk berhubung, berinteraksi dan memelihara ruang di antara orang luar dan orang dalam. Berbagai kelasifikasi ruang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji. Keadaan ruang dalam rumah tidak berbilik-bilik memudahkan penghuninya mengadakan berbagai-bagai aktiviti.

Bagi masjid dan surau, ruangnya dibahagi kepada dua iaitu ruang makmum dan ruang imam. Ruang makmum pula terbahagi kepada dua iaitu ruang makmum lelaki dan makmum perempuan. Kegunaan ruang pada masjid dan surau bukan sahaja untuk bersembahyang malahan juga untuk mengajar Al-Quran dan kadangkala tempat tidur musafir.

Ruang wakaf pula berfungsi sebagai tempat berehat pengembala dan penduduk sekitar. Selain daripada itu, bagi wakaf yang mempunyai lantai bertingkat, ruang tingkat atas digunakan sebagai tempat tidur dan sembahyang oleh musafir.

Walaupun setiap bangunan dibina bagi memenuhi fungsinya, tetapi di sebalik itu, bangunan juga memberikan keindahan. Keindahan sesebuah bangunan termasuklah dengan adanya perhiasan berbagai bentuk ukiran yang terdapat pada struktur dan komponen bangunan. Ukiran yang dipasang pada sesebuah bangunan bukan sahaja berfungsi untuk kecantikan, tetapi juga mempunyai fungsi guna sebagai laluan udara keluar masuk ke dalam bangunan dan kemasukan cahaya. Ukiran ayat-ayat suci pula adalah sebagai doa kepada penghuni. Sesetengah motif ukiran itu pula mempunyai perlambangan dan makna-makna tertentu. Kesemua ini menggambarkan alam pemikiran masyarakat Melayu, berhubung-kait dengan alam persekitaran mereka.

Pada peringkat awal, penciptaan sesuatu alat adalah untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya perkembangan intelektual, penampilan ciri-ciri estetika dan simbolisme mula ditonjolkan.

Struktur sesebuah bangunan dianalogikan sebagai seorang manusia. Bangunan mempunyai bumbung menyamai manusia mempunyai kepala, bangunan mempunyai dinding bersamaan dengan manusia mempunyai badan dan bangunan mempunyai tiang menyamai manusia ada kaki. Selain daripada itu, bangunan juga digambarkan mempunyai persamaan dengan sebuah perahu. Bentuk bangunan ada persamaan dengan bentuk perahu Melayu. Berdasarkan kepada beberapa istilah, terdapat persamaan di antara bangunan dan perahu seperti tiang, lantai dan layar.

Selain daripada itu, terdapat berbagai-bagai komponen bangunan yang mempunyai makna-makna tertentu yang boleh dijadikan pengajaran dan panduan kepada penghuni menghayatinya. Sebagai contoh, buah guntung melambangkan batu nisan di perkuburan dan ruang dalam rumah sebagai liang lahad. Lambang sebegini dapat menyedarkan penghuninya supaya sentiasa mengingati mati, dan sebelum mati, perlulah dicari bekalan untuk hari akhirat. Begitu juga dengan ruang yang paling penting dalam sesebuah rumah yang dinamakan rumah ibu. Perkara ini memberi gambaran kepada masyarakat bahawa orang yang paling penting dalam sesebuah rumah ialah ibu.

Selain struktur dan komponen bangunan, penyusunan senitaman juga dapat menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu terutama dalam pemilihan dan penyusunan atur tanaman di sekitar bangunan terutama sekali rumah. Didapati tanaman yang ditanam ada kaitan dengan fungsi guna, sama ada untuk masakan, perubatan, kraftangan dan permainan. Susun atur tanaman ini juga mempunyai fungsinya tersendiri sama ada sebagai teduhan, pagar ataupun kecantikan. Kedapatan juga pantang larang dan kepercayaan yang menghalang tanaman tertentu ditanam di sekitar rumah.

Satu lagi ciri penting bangunan tradisional ialah kawasan rumah selalunya tidak mempunyai pagar yang menandakan sempadan kawasan bangunan, sebaliknya, menanam pokok-pokok tertentu seperti pinang, buluh cina dan pokok teh. Fenomena ini terjadi disebabkan masyarakat Melayu mempunyai sikap terbuka terhadap jiran dan tetamu. Hal ini menggambarkan masyarakat Melayu mementingkan hidup bermasyarakat.

Kini, didapati ciri-ciri bangunan tradisional telah banyak berubah, yang masih wujud hanyalah bentuk bumbung sahaja tetapi kebanyakannya atapnya telah berubah. Bahan-bahan binaan juga telah berubah kepada penggunaan batu-bata dan simen. Kebanyakan bangunan yang baru dibina terutama di kawasan bandar tidak mempunyai tiang, kalau ada pun, tiang tersebut diperbuat daripada simen.

Di kampung-kampung pula didapati perubahan juga berlaku di mana bahan-bahan binaan telah bercampur-campur antara bahan-bahan tradisional dengan bahan-bahan moden. Perubahan sebegini ada kaitan dengan perubahan cara hidup di samping kesukaran mendapatkan bahan tradisional. Selain daripada itu, perubahan kawasan penempatan juga mempengaruhi bahan binaan.

Pada masa dahulu, kebanyakan penempatan di tepi-tepi sungai dan pantai, tetapi sekarang telah berubah ke kawasan yang lebih tinggi dan khusus. Satu lagi sebab ialah corak penempatan bersifat tetap maka tidak perlu lagi membina rumah yang boleh dirombak dan dibina kembali. Oleh sebab itu, pemilik rumah memilih bahan-bahan yang bersifat tetap apabila membina rumah.

Akibat peredaran masa, perubahan ekonomi, nilai dan cara hidup telah menghilangkan konsep ruang terbuka pada rumah-rumah moden. Kebanyakan rumah pada hari ini berbilik-bilik. Setiap rumah sekurang-kurangnya ada dua bilik. Pembentukan ruang-ruang ini dipengaruhi oleh nilai-nilai individualistik. Pada masyarakat moden, setiap ruang telah dikhatuskan untuk aktiviti-aktiviti tertentu seperti ruang tamu, ruang keluarga, begitu juga bilik-bilik khas seperti bilik membaca, bilik tidur dan bilik stor. Selain daripada itu, dalam rumah moden terdapat bilik basuh dan beberapa bilik air.

Pada masyarakat bandar, terdapat satu lagi ruang yang mesti ada pada setiap rumah iaitu ruang untuk kenderaan. Jadi keseluruhannya, ruang dalam rumah moden lebih mementingkan keluarga. Ruang-ruang yang berbilik-bilik pada rumah moden akan menjadikan ruang dalam rumah sempit. Sehubungan dengan itu, untuk mengadakan majlis kenduri-kendara adalah sukar. Oleh sebab itu didapati masyarakat bandar mengadakan kenduri-kendara di luar rumah atau di tempat lain.

Satu lagi nilai individualistik masyarakat bandar ialah kebanyakan rumah yang dibina didapati mempunyai pagar yang bersifat tetap. Bentuk pagar itu boleh memisahkan pemilik rumah dengan anggota masyarakat sekitar dan konsep begini bertentangan sama sekali dengan ciri bangunan tradisional. Keadaan begini boleh menghalang proses interaksi seterusnya merenggangkan hubungan sosial di kalangan jiran-jiran.

Dari segi orientasi, rumah tidak lagi berpaksikan kepada timur dan barat, tetapi berpaksikan jalanraya.

Dari aspek pembukaan pada bangunan, didapati jumlah tingkap pada bangunan moden lebih banyak daripada bangunan tradisional, tetapi fungsinya berbeza. Pada bangunan tradisional, pintu dan tingkap berfungsi memberangkan udara dan cahaya keluar masuk ke dalam rumah di samping laluan keluar masuk penghuni.

Bagi rumah moden terutama di bandar, tingkap dan pintu tidak dibuka kerana sistem 'ventilasi'nya menggunakan peralatan mekanikal.

Ciri-ciri tradisional pada masjid juga berubah di mana bahan binaan telah bertukar daripada bahan kayu kepada simen. Selain daripada itu, terdapat perubahan rekabentuk, dimasukkan kubah berbentuk potong bawang dan tambahan menara. Fenomena ini paling ketara pada masjid utama di sesebuah daerah. Selain daripada itu, masjid yang dibina tidak lagi mempunyai tiang.

Dari segi fungsi, masjid moden bertambah kalau dibandingkan dengan masjid tradisi, di mana acara-acara besar berkaitan dengan Islam diadakan seperti tilawah membaca Al-Quran, berzanji dan sebagainya.

Konsep dan fungsi wakaf tradisional juga banyak berubah. Kalau dahulu wakaf disedekahkan oleh orang ramai, tetapi sekarang ia dibina oleh pemerintah. Bahan binaan wakaf juga turut berubah kepada penggunaan simen. Lokasi wakaf banyak terdapat di tepi-tepi jalanraya sedangkan pada masa dahulu, wakaf dibina di tepi jalan, tepi sungai, persimpangan jalan dan tepi kubur.

Penggunaan wakaf hari ini bukan lagi untuk pengembara tetapi untuk masyarakat setempat berkumpul pada waktu petang, menunggu bas dan teksi di samping sebagai tempat jualan hasil kampung. Penggunaan wakaf sebagai tempat sembahyang telah tiada lagi.

Dalam usaha membina bangunan moden, ciri-ciri bangunan tradisional yang bersesuaian dengan cara hidup moden perlu digunakan. Misalnya, dalam menyediakan ruang, sepatutnya ada ruang untuk anggota-anggota keluarga dan tetamu berinteraksi seperti ruang anjung bagi rumah yang bertingkat. Ruang ini boleh diwujudkan pada rumah-rumah moden agar penghuninya dapat berinteraksi dengan jiran pada waktu petang atau pada hari minggu.

Begitu juga apabila menentukan sempadan kawasan rumah, sebaiknya menggunakan pagar yang rendah ataupun tidak berpagar.

Walaupun didapati kebanyakannya ciri bangunan tradisional telah hilang pada bangunan moden, tetapi terdapat satu ciri tradisional yang semakin popular digunakan pada bangunan moden iaitu bumbung yang berbentuk 'V' terbalik, sama ada bentuk bumbung panjang mahupun bumbung limas.

Fenomena ini dapat dilihat pada bangunan-bangunan baru milik kerajaan di Negeri Terengganu yang menggunakan ciri-ciri bumbung tradisional itu. Bangunan-bangunan tersebut ialah Blok Podium Wisma Darul Iman, Kompleks Muzium Negeri, Kompleks Pejabat Hal Ehwal Agama, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Rumah Tol Jambatan Sultan Mahmud, gerai makan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Hotel Permai Park Inn dan Sutera Beach Hotel. Selain itu, taman-taman perumahan juga turut menggunakan ciri-ciri bumbung tradisional terutama bentuk limas belanda dan perabung lima. Begitu juga dengan tempat-tempat menunggu bas dan pentas-pentas perasmian dibuat berdasarkan ciri-ciri bumbung tradisional itu.

Hilangnya ciri-ciri tradisional disebabkan oleh beberapa faktor seperti citarasa pemilik yang berubah, perubahan kepada kedudukan ekonomi keluarga, kemasukan bahan-bahan binaan moden di pasaran dan kesukaran mendapat bahan seperti kayu dan atap . Selain itu, adalah sukar mendapatkan tukang-tukang yang mahir dalam pembinaan bangunan tradisional. Fungsi rumah juga telah berubah, kalau dahulu berbagai-bagai upacara diadakan di atas rumah, tetapi hari ini upacara diadakan di luar rumah malahan jauh dari rumah seperti di dewan orang ramai dan hotel-hotel. Nilai-nilai sosial juga berubah daripada nilai-nilai bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu kerja kepada sistem upah.

Keadaan di kampung didapati sebahagian ciri bangunan tradisional masih dikekalkan, cuma bahannya berubah, misalnya tiang, dahulu tiang kayu tetapi sekarang mungkin berubah kepada simen.

Kesimpulannya, didapati ciri bangunan tradisional telah banyak berubah terutama bangunan yang terdapat di bandar di mana kebanyakan bangunan tidak lagi bertiang dan ditambah pula dengan bangunan bertingkat. Paling ketara ialah konsep ruang terbuka pada rumah tradisional telah berubah menjadi berbilik-bilik akibat mementingkan nilai-nilai individualistik. Jadi, didapati bangunan moden di Terengganu tidak jauh berbeza dengan bangunan lain di tempat-tempat lain kerana lebih mengutamakan sifat 'privacy' dan individualistik.